

1249/2
SEJARAH
Kertas 2
September
2½ jam



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) CAWANGAN MELAKA
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PELAJARAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

**SEJARAH
Kertas 2
PERATURAN PEMARKAHAN**

Kertas jawapan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

1249/2
SEJARAH
Kertas 2
September
2½ jam



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) CAWANGAN MELAKA
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PELAJARAN MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

SEJARAH

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian :
Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
4. *Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan **Bahagian B.***

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
	4	
B	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Bahagian A
[40 markah]
Jawab **semua** soalan

- 1 Jadual berikut menerangkan tentang Tamadun Indus.

Masa	Tempat	Sumbangan
2500 S.M. hingga 1800 S.M.	India	Bandar Terancang

- (a) Berikan nama **dua** buah bandar terancang dalam tamadun di atas.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (b) Nyatakan **dua** ciri bandar terancang tersebut .
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (c) Apakah ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat Indus bagi membina bandar terancang?
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (d) Apakah faktor yang membolehkan masyarakat Indus membina bandar terancang?
- (i)
- (ii) [2 markah]

- (e) Berdasarkan pemerhatian anda, adakah bandar tempat tinggal anda merupakan sebuah bandar terancang?
Berikan alasan-alasan anda.

(i)

(ii)

[2 markah]

2. Pernyataan di bawah menerangkan tentang kerajaan Bani Umayyah.

Kerajaan Bani Umayyah memberi pelbagai sumbangan kepada tamadun Islam

- (a) Namakan pengasas kerajaan tersebut.
- (i) Tahap pertama:
- (ii) Tahap kedua: [2 markah]
- (b) Senaraikan **dua** tokoh ilmuan yang terdapat ketika itu.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (c) Berikan **dua** sumber pendapatan kerajaan berkenaan.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (d) Apakah sumbangan kerajaan Bani Umayyah dalam bidang perubatan?
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (e) Kecemerlangan ilmu pengetahuan kerajaan Bani Umayyah mencerminkan kebijaksanaan pemerintahnya. Berdasarkan pemerhatian anda, apakah langkah-langkah yang telah pemimpin negara kita lakukan untuk menjadikan Malaysia hub pendidikan antarabangsa?
- (i)
- (ii) [2 markah]

3 Pernyataan di bawah berkaitan nasionalisme awal di Sarawak

Gerakan penentangan terhadap James Brooke di Sarawak telah dilakukan oleh pemimpin dan rakyat tempatan negeri itu sejak abad ke-19.

(a) Berikan nama tokoh-tokoh tempatan yang menentang James Brooke.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Mengapakah tokoh-tokoh berkenaan menentang pemerintahan James Brooke?

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Apakah tindakan yang diambil oleh tokoh-tokoh tempatan tersebut ke atas James Brooke?

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh penjajah bagi menangani kebangkitan rakyat tempatan di negeri tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Apakah iktibar yang anda boleh peroleh kesan daripada penentangan penduduk tempatan terhadap penjajah?

(i)

(ii)

[2 markah]

4 Pernyataan berikut berkaitan dengan Gerakan Islah.

Gerakan Islah merupakan gerakan yang pesat berkembang di Tanah Melayu antara tahun 1900 – 1925.

(a) Namakan **dua** tokoh gerakan di atas

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Senaraikan akhbar dan majalah yang menjadi medium gerakan tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan idea-idea yang diperjuangkan oleh gerakan itu.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Apakah halangan-halangan yang ditempo oleh Kaum Muda dalam perjuangan mereka?

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Bagaimanakah pengamalan idea-idea Kaum Muda mampu menjana kemajuan negara kita masa kini?

(i)

(ii)

[2 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja

- 5 (a) Nyatakan **tiga** teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara [10 markah]
- (b) Jelaskan perbandingan antara Adat Perpatih dengan Adat Temenggung [6 markah]
- (c) “Biar mati anak, jangan mati adat”
- Berdasarkan pepatah di atas, mengapakah masyarakat Melayu sangat mementingkan adat? [4 markah]
- 6 Penjajah British telah membawa masuk buruh asing secara beramai-ramai pada awal abad ke-20.
- (a) Apakah faktor-faktor yang mendorong buruh dari China dan India ke Tanah Melayu? [5 markah]
- (b) Terangkan cara kemasukan buruh dari China dan India ke Tanah Melayu. [10 markah]
- (c) Kemasukan imigran Cina dan India telah mewujudkan masyarakat berbilang kaum di Malaysia hari ini.
- Cadangkan **lima** cara perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia dapat dipupuk. [5 markah]

- 7 Kesultanan Melayu Melaka telah meninggalkan warisan yang gemilang.
- (a) Terangkan ciri-ciri negara dan bangsa yang terdapat dalam Kesultanan Melayu Melaka
[10 markah]
- (b) Nyatakan warisan Kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan oleh negeri-negeri Melayu.
[6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, bagaimanakah negara kita boleh mencapai kegemilangan sebagaimana yang telah dicapai pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
[4 markah]
- 8 (a) Jelaskan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.
[8 markah]
- (b) Nyatakan ciri-ciri Dewan Negara dan Dewan Rakyat.
[8 markah]
- (c) Andaikan anda sebagai pengerusi Kelab Setia di sekolah anda. Cadangkan **empat** aktiviti yang dapat memupuk semangat menghormati institusi beraja di negara kita.
[4 markah]
- 9 Selepas merdeka Malaysia telah bergiat secara aktif dalam Komanwel, Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam(OIC).
- (a) Apakah faedah yang diperoleh dan peranan Malaysia dalam pertubuhan Komanwel?
[6 markah]
- (b) Jelaskan isu yang ditimbulkan dan peranan Malaysia dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali.
[7 markah]
- (c) Apakah faedah dan sumbangan yang Malaysia peroleh dengan menyertai Pertubuhan Persidangan Islam(OIC)?
[7 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT